

06/09/1997

Tebus maruah bangsa, agama: Mahathir (HL)

Manja Ismail; Mustapa Omar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Menebus maruah bangsa dan agama, membentuk budaya maju, menghapus budaya rasuah, menguasai ilmu dan kecekapan serta mengatasi kejahilan menjadi intipati ucapan dasar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agung Umno hari ini.

Menegaskan Umno mesti menjadi pelopor untuk membentuk budaya maju, Presiden parti itu berkata, dengan mengutamakan kerajinan dan penguasaan pelbagai bidang ilmu, Umno bukan sahaja dapat menebus maruah orang Melayu, malah umat Islam keseluruhan.

Sambil melahirkan keyakinan matlamat itu boleh dicapai jika rakyat sanggup serta berusaha menukar dan membentuk budaya yang sesuai dengan kejayaan, beliau berkata, keupayaan Melayu tidak kurang daripada kemampuan bangsa-bangsa yang maju sekarang.

Dalam ucapan hampir dua jam, Perdana Menteri menegaskan, jika benar-benar mahu menebus maruah bangsa dan agama, kemajuan Melayu hendaklah sekurang-kurangnya sama dengan kemajuan bangsa-bangsa maju dan yang disegani, malah ditakuti semua termasuk oleh umat Islam dan negara Islam.

"Jelaslah bahawa perjuangan kita belum lagi selesai dan tidak mungkin selesai dalam masa yang singkat kerana kita mengejar sasaran yang bergerak, sasaran yang tidak menunggu kita," kata Presiden Umno kepada lebih 2,000 perwakilan dan pemerhati di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra.

Sebahagian besar ucapannya yang bertajuk 'Menebus Maruah Bangsa dan Agama' selama sejam setengah itu berkisar peranan budaya, kejayaan bangsa-bangsa maju, kesan Islam ke atas Arab Jahiliah serta perkembangan dalam sejarah Islam di masa gemilang dan mundur.

Dengan menyifatkan umat Melayu sekarang sebagai bangsa separuh maju, Perdana Menteri berkata, faktor yang menghalang kemajuan itu ialah budaya yang mereka sendiri bentuk dan kemudian dianggap secocok dengan Islam serta memberi identiti kepada orang Melayu.

"Budaya inilah yang telah menghalang kemajuan kita ke tahap yang menjadi cita-cita kita," katanya sambil menegaskan bukan warna kulit atau iklim atau bangsa yang menentukan kecapaian dan sudah tentu, bukan agama Islam yang menjadi penghalang kemajuan.

Dr Mahathir berkata, bagi mengimbangi bangsa Melayu dengan bangsa maju lain dan supaya tidak lagi dihina dan ditindas, mereka mesti secara sedar dan bijak membentuk budaya yang dapat menentukan pencapaian matlamat untuk menjadi bangsa yang maju.

Dalam hubungan ini, katanya, Umno perlu menjadi peneroka dan pelopor. Jika Umno tidak berani menunjukkan teladan dan tidak sanggup menjadi contoh yang baik, orang Melayu akan menjadi mundur, ditinggal zaman, diketawakan orang dan dihina.

"Kita bukan angkuh tetapi sebenarnya tidak ada parti lain atau pertubuhan lain yang boleh dan berpeluang membentuk budaya baru bagi orang Melayu supaya mereka dapat menghadapi cabaran dunia moden, terutama di zaman teknologi maklumat yang tidak mengenal sempadan antara negara-negara," tegasnya.

Menurut Perdana Menteri, untuk menjadi bangsa yang maju atau 'tuan' dalam erti kata sebenarnya, orang Melayu perlu memiliki ilmu dan kecekapan tertentu. Mereka tidak mungkin menguasai ilmu dan kecekapan jika tidak sanggup mengejarnya melalui cara dan pendekatan yang betul.

"Dari sejarah Islam kita tahu orang Islam dapat menguasai ilmu yang

diterokai oleh ahli falsafah dan pendita Yunani. Oleh kerana orang Yunani tidak menulis dalam bahasa Arab, maka untuk mempelajari dan menguasai ilmu orang Yunani, orang Arab tentulah mempelajari bahasa Yunani.

"Demikian juga dengan kita. Jika kita ingin menguasai ilmu dan kecekapan orang asing maka kita mesti bersedia mempelajari bahasa asing. Lebih tinggi penguasaan bahasa berkenaan, lebih mudahlah kita mempelajari ilmu yang diterokai dalam bahasa itu," katanya.

(END)